

BAB 2

MASYARAKAT PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

BUMIPUTERA (MPPB)

Bab ini akan membincangkan secara makro MPPB dan ciri-ciri umum penyertaan Bumiputera dalam sektor industri kecil. Bahagian pertama bab ini akan meninjau secara menyeluruh BPPB dengan menumpukan kepada keberkesanan DEB ke atas pembentukan MPPB. Ini diikuti dengan satu perbincangan ringkas tentang penglibatan Bumiputera dalam aktiviti industri, khususnya industri kecil.

MPPB: Satu Tinjauan Menyeluruh

Dekad-dekad antara 1970 dengan tahun 1990 merupakan dekad yang penting dalam sejarah pembabitan Bumiputera dalam aktiviti perdagangan dan perindustrian. Sepanjang dekad tersebut dapat dilihat penyertaan Bumiputera yang semakin ketara dalam aktiviti-aktiviti itu berbanding dekad-dekad sebelumnya. Peningkatan ini merupakan satu petanda yang positif terhadap usaha untuk mewujudkan MPPB. Kini terdapat penglibatan yang kian meningkat daripada kalangan Bumiputera di dalam aktiviti yang dahulunya kurang diberi tumpuan.

Keutamaan terhadap pembinaan MPPB yang berdaya maju ditekankan dalam penggubalan Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) sepanjang tempoh 1971-1990. Di bawah rangka ini, kerajaan telah melaksanakan empat rancangan pembangunan, bermula dengan Rancangan Malaysia Kedua (1970-75) hingga Rancangan Malaysia Kelima (1986-90). Keempat-empat rancangan tersebut dilaksanakan dengan berpandukan kepada DEB.

Terdapat dua teras utama DEB. Pertama, strategi untuk membasmi dan akhirnya menghapuskan kemiskinan dengan meningkatkan pendapatan, menambahkan peluang kerja, dan menyediakan perkhidmatan sosial yang boleh meningkatkan mutu kehidupan mereka yang berpendapatan rendah. Kedua, menyusun semula ekonomi supaya pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi dan kawasan dapat dikurang dan akhirnya dihapuskan. Lanjutan dari itu, DEB adalah satu dasar yang memberi penekanan kepada pertumbuhan dan pengagihan, iaitu pertumbuhan ekonomi disatukan dengan pengagihan dan penyusunan semula ekuiti, pekerjaan dan penyertaan kaum dalam aktiviti ekonomi.

Sehubungan ini, bertolak dari kedudukan Bumiputera yang lemah dan jauh ketinggalan dari segi penyertaan

dalam aktiviti ekonomi, penumpuan diberi untuk membentuk satu MPPB yang berdaya maju, bergiat di dalam semua lapangan dan peningkatan kegiatan ekonomi bagi membolehkan mereka bersama-sama berganding bahu dengan bukan Bumiputera dalam memajukan ekonomi negara. Matlamat utama strategi ini ialah bagi kaum Bumiputera memiliki dan mengawal sekurang-kurangnya 30 peratus daripada kekayaan negara di akhir tempoh DEB (Rancangan Malaysia Ketiga, 1976-80: 192).

Dari segi perjalanan proses pembentukan MPPB dalam dua dekad yang lalu, terdapat lima langkah penting yang telah dilaksanakan, iaitu:

1. pendidikan dan latihan, untuk pengeluaran bekalan tenaga kerja Bumiputera dalam sektor pengurusan dan profesional;
2. peluang-peluang terbuka khusus untuk Bumiputera (kontrak, kuota, subsidi, modal dan lain-lain);
3. langkah-langkah memasukkan Bumiputera dalam bidang-bidang perniagaan tradisional (seperti perniagaan borong dan runcit);

4. mengubah sikap dan nilai Bumiputera supaya nilai-nilai yang tertentu dan sesuai di-terap ke dalam masyarakat Bumiputera untuk MPPB yang berbudaya niaga, berdaya saing, berdaya maju dan berdaya tahan; dan
5. penubuhan agensi-agensi dan perbadanan-perbadanan awam yang kadang kala saling bertindih fungsi dan bersaing antara satu sama lain.

Pada umumnya, langkah-langkah yang diambil merupakan peluang dan pengagihan kekayaan ekonomi secara langsung kepada Bumiputera. Langkah-langkah ini kerap juga dikatakan satu tindakan diskriminasi positif. Peranan kerajaan dalam semua bentuk terus diperkuuhkan sepanjang tempoh DEB berlangsung. Sehingga akhir tempoh tersebut, terdapat kira-kira 40 agensi dari 14 kementerian yang terlibat. Antara agensi-agensi kerajaan termasuk Majlis Amanah Rakyat (MARA), dan Permodalan Nasional Berhad (PNB). Perincian fungsi badan-badan atau agensi kerajaan yang terlibat adalah seperti di Lampiran 2.1

Satu daripada ciri umum langkah-langkah di atas ialah penglibatan pihak kerajaan yang aktif di dalam kegiatan ekonomi bagi memastikan matlamat pengagihan dapat dicapai. Peranan yang dimainkan oleh kerajaan ini telah menimbulkan beberapa tanggapan yang sebaliknya. Ada yang menganggap bahawa penglibatan dan keusahawanan pihak kerajaan melebihi dan menyaingi mereka yang ingin dibantu (Abdul Rahim Said 1974: 188). Keadaan ini juga telah menimbulkan beberapa tanggapan di kalangan MPPB sendiri, iaitu agensi-agensi kerajaan, khususnya agensi amanah, dilihat sebagai mengambil alih peluang yang sepatutnya ada dan terbuka kepada mereka. Tanggapan demikian mungkin ada benarnya. Jika dilihat pada perkembangan agensi amanah dalam tempoh 1971 hingga 1985, bilangan syarikat agensi amanah bertambah sebanyak 508 buah berbanding jumlah asalnya sebanyak 412 buah dalam tahun 1971. Pertambahan bilangan ini meliputi kesemua sektor utama ekonomi, dengan pertambahan yang lebih banyak dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan yang masing-masing mencatatkan jumlah keseluruhan sebanyak 233 dan 209 pertubuhan. Senarai lengkap dapat dilihat dari Jadual 2.1

Jadual 2.1

Bilangan Syarikat Semua Agensi Amanah
Mengikut Tahun Mula Beroperasi dan Sektor

| | Sebelum 1971 | 1971- 1975 | 1975- 1980 | 1981- 1985 | Selepas 1985 | Jumlah |
|--------------------|-----------------|---------------|---------------|---------------|-----------------|--------|
| | (Kumalatif) | | | | | |
| Pertanian | 8 | 10 | 15 | 10 | 9 | 52 |
| Pembinaan | 34 | 15 | 20 | 17 | 9 | 95 |
| Perlombongan | 8 | 3 | 11 | 3 | 0 | 25 |
| Institusi Kewangan | 34 | 20 | 16 | 13 | 7 | 90 |
| Pembuatan | 93 | 50 | 34 | 35 | 21 | 233 |
| Perkhidmatan | 56 | 45 | 35 | 52 | 21 | 109 |
| Pengangkutan | 17 | 10 | 8 | 17 | 7 | 59 |
| Lain | 162 | 0 | 0 | 0 | 0 | 162 |
| Jumlah | 412 | 153 | 139 | 147 | 74 | 925 |

Sumber: Jabatan Perdana Menteri

Seperkara lagi yang jelas ialah bahawa wujudnya objektif dan fungsi yang bertindih antara agensi-agensi yang telah diwujudkan itu. Keadaan ini menimbulkan situasi yang mengelirukan di kalangan para penerima bantuan. Sesetengah agensi pula mempunyai fungsi yang terlalu banyak sehingga melemahkan pengurusan organisasi itu sendiri. Dengan yang demikian, keberkesanan

di dalam mencapai objektifnya sering dipersoalkan. Terdapat saranan daripada berbagai-bagai pihak supaya agensi-agensi kerajaan yang ditubuhkan untuk membantu MPPB itu dikaji semula dengan tujuan membetulkan haluan objektif seterusnya diadakan satu penyelarasan supaya usaha-usaha badan-badan itu pada masa akan datang boleh mendatangkan impak yang lebih ketara dan sesuai dengan kehendak zaman.

DEB: Kesan Terhadap MPPB

Selepas pembangunan dan pertumbuhan selama kira-kira dua puluh tahun di bawah DEB yang menekankan pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan menghilangkan kaitan identiti fungsi ekonomi dengan sesuatu kaum, pencapaian usahawan Bumiputera dan perusahaannya masih belum berkesan (Kajian semula RMK 1986-1990: 73). Beberapa faktor sosioekonomi utama dikatakan telah menjaskas usaha membentuk asas yang kukuh untuk MPPB sepanjang DEB berlangsung. Antaranya ialah pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan, khususnya dalam tahun-tahun 80-an, akibat kemelesetan ekonomi dunia. Pencapaian yang rendah secara relatif di kedua-dua sektor, iaitu dalam negeri dan pasaran eksport, menghalang pencapaian prestasi yang tinggi yang diharapkan dalam pembentukan MPPB. Masalah sikap dan nilai budaya

usahawan Bumiputera yang mengakibatkan mereka kurang mempunyai daya fikir strategik, tidak berdaya saing dan kurang berdikari. Masyarakat Bumiputera secara umumnya dikatakan tidak mempunyai budaya niaga yang termaktub yang dapat menjadi satu amalan dan seterusnya membina MPPB yang kukuh dan berjaya dalam bidang industri dan komersil.

Satu penilaian yang terperinci terhadap keberkesanan DEB ke atas pembentukan MPPB memerlukan penggunaan kaedah yang spesifik supaya penjelasan dapat dibuat dengan objektif sekali. Bagi tujuan perbincangan ini, penganalisaan akan cuba dibuat secara objektif dengan menggunakan data-data sekunder yang ada dengan memberi perhatian kepada unsur-unsur "input" atau kemasukan dan "output" atau pengeluaran dengan pemberatan kepada perkara berikut:

- i. peningkatan dan pertumbuhan perusahaan Bumiputera dari segi saiz bidang dan sektor perniagaan;
- ii. tahap pencapaian ekuiti Bumiputera;
- iii. keberkesanan ke atas sumber-sumber usahawan Bumiputera; dan
- iv. jenis-jenis usahawan.

Dengan kemunculan usahawan-usahawan Bumiputera baru sebaik terlaksananya program DEB, diperhatikan bahawa bilangan perniagaan milik Bumiputera dalam aktiviti perdagangan dan perindustrian semakin meningkat, terutamanya selepas tahun 1980-an. Jadual 2.2 menunjukkan kedudukan pendaftaran perniagaan mengikut etnik bagi tahun 1971-1987.

Jadual 2.2

Semenanjung Malaysia - Bilangan Pendaftaran Perniagaan Mengikut Etnik 1971-1987

| Tahun | Bumiputera | Bukan Bumiputera | Jumlah |
|-------------|-------------------|-------------------|--------------------|
| 1971 (%) | 24,549 (15.4) | 135,320 (84.6) | 159,869 (100.0) |
| 1975 (%) | 48,398 (22.3) | 168,414 (77.7) | 216,812 (100.0) |
| 1980 (%) | 78871 (24.9) | 236,889 (75.1) | 315,760 (100.0) |
| 1985 (%) | 154,015 (30.5) | 351,664 (69.5) | 505,678 (100.0) |
| 1987 (%) | 206,645 (35.0) | 383,259 (65.0) | 589,904 (100.0) |

Sumber: Pejabat Pendaftaran Perniagaan
(Merangkumi perniagaan perseorangan
dan perkongsian)

Berdasarkan jadual di atas jelas bahawa dalam tahun 1971, jumlah Bumiputera yang berdaftar hanyalah 24,549 (15.4%) berbanding dengan bukan Bumiputera sebanyak 135,320 (84.6%). Pada tahun 1980 jumlah meningkat kepada 78,871 (24.9%) daripada jumlah 315,760). Perangkaan itu seterusnya meningkat kepada 206,645 orang atau 35% daripada jumlah keseluruhan yang berdaftar pada tahun 1987. Walaupun perangkaan ini merupakan satu petunjuk yang menggalakkan dari segi peningkatan bilangan Bumiputera yang terlibat, ia jauh lebih rendah jika dibanding dengan penglibatan bukan Bumiputera. Pada tahun 1987, peniaga bukan Bumiputera berdaftar ialah 383,259 atau 65% daripada jumlah keseluruhan dan masih menguasai aktiviti perniagaan dengan kuatnya.

Dari segi jenis perniagaan pula, pada tahun 1987 peniaga Bumiputera dalam perniagaan tunggal dan perkongsian yang berdaftar mencapai 35% daripada jumlah keseluruhannya, iaitu 589,904. Daripada 206,645 yang berdaftar itu, 148,096 iaitu peniagaan Bumiputera daripada jenis perniagaan tunggal. Pada kebiasaannya, perniagaan tunggal ialah perniagaan yang kecil dan bermodal kecil. Namun demikian, jumlah ini merupakan satu pertambahan yang ketara berbanding dengan tahun

1975, bilangan jumlah perniagaan milik tunggal Bumiputera hanyalah sebanyak 35,676 sahaja.

Bagi perniagaan secara berkongsi pula, bilangan perniagaan jenis ini tidak banyak berubah dari tahun 1975 hingga tahun 1987. Jumlah pada tahun 1975 sebanyak 12,772 bertambah kepada 58,549 atau 9.9% daripada jumlah keseluruhan. Perincian maklumat dapat dilihat pada Jadual 2.3.

Jadual: 2.3

Semenanjung Malaysia-Pendaftaran Perniagaan Bumiputera
Mengikut Jenis Perniagaan

| Tahun | Milik Tunggal | % Daripada Jumlah Perniagaan Berdaftar | Perkongsian | % Daripada Jumlah Perniagaan | Jumlah Perniagaan Berdaftar |
|-------|---------------|--|-------------|------------------------------|-----------------------------|
| 1975 | 35,676 | 16.5 | 12,722 | 5.9 | 216,812 |
| 1980 | 58,768 | 18.6 | 20,103 | 6.4 | 315,760 |
| 1985 | 117,849 | 23.3 | 36,166 | 7.2 | 505,678 |
| 1987 | 148,096 | 25.1 | 58,549 | 9.9 | 589,904 |

Sumber: Pejabat Pendaftaran Perniagaan

Angka-angka di dalam Jadual 2.2 dan 2.3 menunjukkan bahawa walaupun jumlah bilangan usahawan dan peniaga Bumiputera yang ada semakin meningkat dan agak menggalakkan, saiz perniagaan mereka masih pada peringkat kecil-kecilan. Seterusnya bahagian yang dimiliki oleh Bumiputera masih lagi kecil berbanding perniagaan kepunyaan bukan Bumiputera. Jika dilihat dari segi bidang yang diterokai, perniagaan Bumiputera masih tertumpu kepada bidang yang sudah lama diterokai usahawan, iaitu bidang tradisional seperti perusahaan makanan dan pertanian. Bidang tersebut merupakan kegiatan yang senang diterokai kerana tidak memerlukan kemahiran tinggi dan penyediaan modal yang besar. Jadual 2.4 menunjukkan bahawa seramai 2,969 usahawan (23.1%) menceburkan diri dalam sektor makanan dan minuman. Manakala 3,581 usahawan (27.9%) terlibat dalam sektor perkhidmatan.

Jadual 2.4

Bidang-bidang Yang Diceburi Usahawan Bumiputera

| Sektor | Jumlah | % |
|--|---------------|--------------|
| Alat fotografi dan peralatan | 101 | 0.8 |
| Alat kebombaan dan kawalan keselamatan | 214 | 1.7 |
| Alat kelengkapan Hospital dan ubat | 214 | 1.7 |
| Alat kelengkapan pejabat dan kediaman | 1102 | 8.6 |
| Alat makmal dan saintifik | 218 | 1.7 |
| Alat pandang dengar | 213 | 2.1 |
| Alat ukur dan sukatan | 27 | 0.2 |
| Alat sukan dan cenderamata | 97 | 0.8 |
| Bahan api, kimia dan cat | 292 | 2.3 |
| Bahan bacaan/alatulis | 509 | 4.0 |
| Kejuruteraan awam | 754 | 5.9 |
| Baja, alat pertanian dan ternak | 638 | 4.9 |
| Kenderaan dan logi | 596 | 4.6 |
| Keretapi dan kelengkapan | 57 | 0.4 |
| Makanan dan minuman | 2969 | 23.1 |
| Pakaian dan peralatan jahitan | 353 | 2.8 |
| Kejuruteraan elektrik | 354 | 2.8 |
| Pembekalan air | 162 | 1.3 |
| Perkhidmatan | 3581 | 27.9 |
| Pesawat udara dan bot | 191 | 1.5 |
| Senjata dan bahan letupan | 128 | 0.9 |
| Jumlah besar | 12,830 | 100.0 |

Sumber: PNB, 1989

Di dalam sektor pertanian secara komersil, penglibatan Bumiputera masih terhad walaupun telah meningkat sedikit dari tahun 1970. Pemilikan ladang-ladang oleh Bumiputera untuk kelapa sawit hanyalah sebanyak 5.4% bagi getah 3.1% dan ladang teh 7.1%. Agensi amanah kerajaan jelas memainkan peranan penting dalam memelihara kepentingan Bumiputera dalam sektor perladangan. Pemilikan oleh agensi-agensi ini walaupun kecil dari segi peraturan jumlah syarikat yang dimiliki, memberikan sumbangan agak besar kepada pengeluaran, iaitu 21.9% untuk kelapa sawit, 22.9% untuk getah dan 8.7% untuk teh. Ini bermakna bahawa kebanyakan Bumiputera secara individu masih tidak mampu menerokai aktiviti yang memerlukan pelaburan besar bertahap korporat. Apa yang berlaku ialah bahawa penglibatan Bumiputera dalam sektor pertanian masih sebagai pekebun-pekebun kecil yang pendapatan rendah.

Jadual: 2.5
Penyertaan dan Hak Milik Bumiputera
di Sektor Perladangan, 1988

| Sektor | Bumiputera dan Kepentingan Bumiputera | | Agenzia Amanah | | Cina | | India | |
|--------------|---------------------------------------|------------------------|----------------|------------------------|-------|------------------------|-------|------------------------|
| | % Bil | Peraturan Penge-luaran | & Bil | Peraturan Penge-luaran | % Bil | Peratusan Penge-luaran | % Bil | Peratusan Penge-luaran |
| Kelapa sawit | 5.4 | 5.1 | 9.3 | 21.9 | 44.5 | 16.0 | 3.9 | 1.2 |
| Getah | 3.1 | 0.9 | 6.9 | 22.9 | 57.5 | 24.0 | 5.9 | 4.3 |
| Teh | 7.1 | 4.4 | 14.3 | 8.7 | 14.3 | 5.9 | 21.4 | 8.8 |

Sumber: Jabatan Perangkaan (1988)
 Statistik Utama Pemilikan dan
 Penyertaan dalam Perdagangan
 dan Perindustrian

Dilihat dari sektor terpilih seperti sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan, penyertaan Bumiputera adalah kurang menggalakkan. Malah terlalu rendah jumlahnya dibanding dengan jumlah keseluruhan.

Pemilikan Bumiputera di sektor pembuatan hanya pada paras 6% berbanding dengan pemilikan kaum Cina misalnya. Penglibatan Bumiputera masih tertumpu kepada perusahaan tradisional seperti perusahaan makanan dan

yang berasaskan kayu. Tahap penyertaan Bumiputera dari tahun 1970 hanya berubah sebanyak kira-kira 5%.

Bidang pemborongan dan peruncitan masih menjadi tumpuan para usahawan Bumiputera. Walaupun jumlahnya menunjukkan sedikit peningkatan, tahap pengeluaran masih lagi rendah berbanding dengan kaum bukan Bumi-putera. Peraturan penglibatan Bumiputera dalam bidang pemborongan dan peruncitan ialah masing-masing sebanyak 0.8% dan pada 0.8% pada tahun 1970. Pada tahun 1988, penyertaan dalam bidang tersebut meningkat kepada 10.3% dan 32.3%. Penyertaan Bumiputera dalam bidang bukan tradisional seperti hotel dan penginapan, harta tanah dan pelancongan, walaupun menggalakkan, masih pada tahap yang minimum apabila dibanding dengan kaum bukan Bumi-putera. Seterusnya penyertaan Bumiputera dalam bidang ini masih banyak lagi bergantung kepada peluang yang diwujudkan oleh sektor awam. Perincian maklumat dapat dilihat dalam Jadual 2.6.

Jadual: 2.6

**Hak Milik Mengikut Kumpulan Ethnik di Sektor
Pembuatan, Pembinaan, Komersil dan Perkhidmatan
Terpilih 1988, 1970**

| Sektor | Bumiputera/ Kepentingan Bumiputera | | Agensi Amanah | | Cina | | India | |
|---|---|-------------|--------------------------|-------------|-------------|-------------|--------------|-------------|
| | 1988 | 1970 | 1988 | 1970 | 1988 | 1970 | 1988 | 1970 |
| Pembuatan | 6.2 | 5.2 | 1.1 | 2.2 | 52.4 | 20.0 | 1.1 | 0.7 |
| Pembinaan | 24.1 | 2.2 | 0.3 | - | 69.3 | 52.8 | 1.3 | 0.8 |
| Pemborongan | 10.3 | 0.8 | - | 0.5 | 84.5 | 24.3 | 2.9 | 0.7 |
| Runcit | 32.3 | 0.8 | - | - | 60.4 | 48.3 | 6.3 | 2.2 |
| Perkhid- matan Profesional | 15.8 | 7.0 | - | - | 55.3 | 69.7 | 18.8 | 12.5 |

Sumber: Jabatan Perangkaan 1971, 1988

1. Termasuk Bumiputera dan Kepentingan Bumiputera
2. Agensi Amanah termasuk Kerajaan Negeri, PKEN dan Badan Berkanun.

Salah satu unsur penting DEB ialah penyusunan hak milik modal saham dalam sektor syarikat. Keputusan yang ditetapkan ialah bahawa pada akhir tahun 1990, hak milik Bumiputera dianggar meningkat sekurang-kurangnya 30%. Apa yang berlaku ialah hak milik Bumiputera meningkat hanya pada 20.3% sahaja, manakala hak milik bukan Bumiputera meningkat kepada 46.2%, iaitu melebihi matlamat yang ditetapkan untuk mereka. Jadual 2.7 menunjukkan peratus matlamat dan pencapaian DEB di bawah penyusunan semula hak milik saham.

Jadual: 2.7

**Matlamat dan Pencapaian DEB Dalam Penyusunan
Semula Hak Milik Saham**

Matlamat = 1990 Pencapaian = 1990

| | | | |
|------------------|-------|------------------|-------|
| Bumiputera | 30% | Bumiputera | 20.3% |
| Bukan Bumiputera | 40% | Bukan Bumiputera | 46.2% |
| Rakyat Asing | 30% | Rakyat Asing | 25.1% |
| | | Syarikat | 8.4% |
| — | — | — | — |
| | 100% | | 100% |
| ===== | ===== | ===== | ===== |

Sumber: Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua,
1991-2000, m.s. 13-14.

Walaupun masih jauh daripada matlamatnya, pertambahan ekuiti Bumiputera adalah satu pencapaian yang besar. Dari segi jumlahnya, ia telah meningkat dari pada RM126 juta pada tahun 1970 kepada RM22.3 ribu juta dalam tahun 1990.

Peningkatan ekuiti golongan Bumiputera disebabkan sebahagian besarnya pemilikan ekuiti itu dipegang oleh agensi amanah dan institusi-institusi lain yang berkaitan. Kepentingan Bumiputera yang merangkumi individu, agensi-agensi amanah dan perbadanan awam terus menunjukkan kecenderungan yang positif. Hak milik Bumiputera di dua puluh syarikat awam utama yang dipegang melalui Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan beberapa agensi amanah ialah 37% dalam tahun 1987 berbanding dengan 32% dalam tahun 1985. Dalam sektor bank komersil, Bumiputera mempunyai lebih 50% ekuiti dalam 10 daripada 22 bank-bank domestik.

Bagi syarikat-syarikat awam pula, daripada 155 syarikat yang disenarai dalam tahun 1987, hak milik saham Bumiputera melebihi 50% ekuiti dalam 45 daripada syarikat-syarikat tersebut. Manakala dalam 29 syarikat lagi, ekuiti kepunyaan Bumiputera adalah antara 30-50%

(Kajian semula RMK 1986-1990: 71). Apa yang dapat dilihat di sini ialah kongsi hak milik Bumiputera. Berapa banyakkah daripada jumlah yang tersebut dipunyai oleh Bumiputera persendirian dan syarikat-syarikat yang dimiliki Bumiputera sepenuhnya adalah tidak diketahui.⁴

Bagi membantu MPPB, bantuan dan bimbingan untuk komuniti ini diberi penekanan. Terdapat satu perkembangan yang nyata dalam bantuan dan bimbingan yang MPPB berikan dalam jangka masa 1970-an hingga tahun 1980-an. Walau bagaimanapun, perkhidmatan tersebut dikurangkan apabila kemelesetan ekonomi mula timbul dan bantuan daripada sektor awam kepada agensi-agensi yang terlibat dalam perkhidmatan ini dikurangkan. Contohnya MARA sebagai salah sebuah agensi utama yang menjalankan khidmat bimbingan MPPB telah menjalankan 1,114 kursus yang melibatkan 44,899 peserta dengan perbelanjaan RM53,430 dalam tahun 1971 hingga 1980. Program tersebut terus dipertingkatkan oleh agensi ini dalam tempoh 1971-85 dengan mengendalikan 1,803 kursus yang melibatkan 81,790 peserta dengan perbelanjaan RM8.04 juta. Bagi tempoh 1985-1990, kursus-kursus yang dikendalikan dikurangkan kepada 1436 dan 49,547 peserta dengan perbelanjaan RM7.7 juta (MARA, 1990). Pengurangan bantuan kepada agensi-agensi terlibat juga

dapat dilihat dalam Jadual 2.8 yang menunjukkan perbezaan yang ketara dari segi jumlah bantuan yang dianggarkan pada mulanya dengan jumlah yang dikaji semula setelah dipertimbangkan kemampuan sektor awam ketika itu.

Jadual: 2.8

Bantuan Kepada Agensi-agensi Terlibat Dengan Pembangunan
MPPB Bagi Tempoh Rancangan Malaysia Kelima, 1986-1990

| Program | Peruntukan | | Kajian Semula | | Perubahan Peratus |
|-----------------------------------|-------------------|-------|-------------------------|-------|----------------------|
| | asal (RM juta) | % | Peruntukan (RM juta) | % | |
| Pinjaman dan kemudahan | 1,620.47 | 38.6 | 700.71 | 25.9 | -56.8 |
| MARA | 351.71 | | 140.51 | | -60.0 |
| UDA | 286.96 | | 120.96 | | -57.8 |
| BPMB | 350.68 | | 172.00 | | -51.0 |
| MIDF | 20.00 | | 20.00 | | - |
| SEDCS | 567.12 | | 206.66 | | -63.6 |
| PERNAS | 4.00 | | 4.00 | | - |
| Penyelaras Perlaksanaan | 40.00 | | 36.58 | | -8.6 |
| Pendidikan dan Latihan | 1,137.72 | 27.1 | 1,394.43 | 51.4 | -22.6 |
| ITM | 225.21 | | 163.70 | | -27.3 |
| IKM | 155.95 | | 172.58 | | 10.7 |
| MARA (Latihan Perdagangan) | 13.00 | | 8.00 | | -38.5 |
| MARA Biasiswa/Pinjaman | 690.00 | | 996.72 | | -44.5 |
| Pusat Latihan Belia | 28.56 | | 53.43 | | 87.1 |
| Belia Peladang | 8.00 | | - | | -100.0 |
| Belianiaga | 17.00 | | - | | -100.0 |
| Ekuiti | 523.44 | 12.4 | 301.70 | 11.1 | -42.4 |
| PERNAS | 208 | | 105.80 | | -49.2 |
| Yayasan Pelaburan 'Bumiputera' | 178.00 | | 178.00 | | - |
| PKEN | 87.64 | | 5.60 | | -93.6 |
| FIMA | 49.70 | | 12.30 | | -75.3 |
| Lain-lain | 920.00 | 21.9 | 314.81 | 11.6 | -65.9 |
| Jumlah | 4,201.63 | 100.0 | 2,711.65 | 100.0 | -35.5 |

Sumber: Kajian Semula RMK, 1986-90

Dari segi peruntukan kewangan sektor awam, pada keseluruhannya bantuan kepada MPPB menunjukkan kecenderungan yang meningkat. Pinjaman dan pendahuluan yang diberikan kepada MPPB oleh bank-bank perdagangan umpamanya telah meningkat dengan pesatnya pada kadar sebanyak 29% dalam tempoh 1980-85. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan merosot kepada 3.4% dalam tempoh 1987-88 akibat kesan daripada kemelesetan ekonomi. Kadar tersebut meningkat semula dengan mencatat purata pertumbuhan sebanyak 16.9% dalam tempoh 1980-1990. (Laporan Kongres Bumiputera Ketiga, 1992: 267-268).

Walaupun peruntukan kewangan meningkat di sektor awam, agihan pinjaman kepada MPPB oleh bank-bank perdagangan masih kecil. Jadual 2.9 menunjukkan bahawa 223,553, atau daripada jumlah 95.9%, akaun pinjaman kepada Bumiputera terdiri daripada pinjaman kurang daripada RM150 ribu. Pengagihan yang kecil tersebut mencerminkan betapa kecilnya saiz pertubuhan Bumiputera.

Jadual: 2.9

**Agihan Saiz Pinjaman Bank Perdagangan
Untuk Bumiputera (1987)**

| Saiz Pinjaman | Bil. Akaun (%) | Nilai Pinjaman % (RM/Juta) |
|--------------------------------|----------------|----------------------------|
| Kurang dari RM150 ribu | 223,553 (95.9) | 4,277 (28.4) |
| Lebih dari RM150 ribu | 7,576 (3.3) | 2,550 (17.1) |
| Kurang dari RM1 juta dan lebih | 1,956 (0.8) | 8.171 (54.5) |
| Jumlah | 233,085 (100%) | 14,996 |

Sumber: Laporan Tahunan Bank Negara 1987

Petunjuk yang lebih jelas mengenai saiz pertubuhan Bumiputera ialah melalui jumlah modal berbayar. Dalam satu kajian PNB ke atas 3,803 buah pertubuhan Bumi-putera, sebanyak 2,940 syarikat atau 77.3% daripada jumlah itu mempunyai modal berbayar kurang daripada RM30 ribu (PNB, 1989).

Perolehan sumber tenaga Bumiputera untuk bidang keusahawanan adalah faktor penting dalam perbincangan

dan perkembangan MPPB. Berbagai-bagai tindakan dan strategi telah diambil oleh kerajaan untuk melatih seramai mungkin Bumiputera yang berkebolehan. Walaupun pada amnya bilangan Bumiputera yang mahir dan berpendidikan telah bertambah, bilangan mereka yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan masih kurang. Dalam pada itu, ada petanda yang menunjukkan bahawa penglibatan mereka yang berpendidikan tinggi semakin cenderung untuk melibatkan diri dalam keusahawanan. Satu kajian PNB (1990) ke atas 4,285 usahawan Bumiputera, menunjukkan seramai 2,370 (55.31%) daripada jumlah usahawan yang dikaji berpendidikan tinggi mempunyai ijazah pertama, sarjana dan ijazah kedoktoran. Seramai 637 (14.9%) mempunyai diploma. Perangkaan menunjukkan mereka berpendidikan tinggi menyertai sektor perkilangan dan binaan (27.12%) dapat dilihat dalam Jadual 2.10.

Jadual: 2.10

Kelulusan dan Bidang Penglibatan Usahawan Bumiputera

| Bidang Kelayakan | Pertanian Perhutanan | Perlombongan dan kuari | Perkilangan Perusahaan, Binaan Runcit | Jualan Runcit | Pengangkutan Komunikasi | Perkhidmatan | Jumlah |
|------------------|----------------------|------------------------|--|------------------|-------------------------|-----------------|--------|
| | | | | | | Lain-lain | |
| Sek. Ren | 27 | 4 | 46 | 178 | 38 | 9 | 302 |
| S.R.P. | 21 | 2 | 25 | 118 | 15 | 9 | 190 |
| S.P.M. | 30 | 3 | 61 | 224 | 27 | 18 | 363 |
| S.T.P./ H.S.C | 26 | 4 | 61 | 50 | 39 | 19 | 199 |
| Sijil | 28 | 11 | 69 | 47 | 43 | 27 | 225 |
| Diploma | 51 | 16 | 124 | 92 | 51 | 78 | 637 |
| Sarjana Muda | 221 | 83 | 503 | 202 | 166 | 382 | 1557 |
| Sarjana | 90 | 32 | 234 | 71 | 74 | 173 | 674 |
| Ph.D | 28 | 4 | 39 | 18 | 17 | 33 | 139 |
| Jumlah | 522 (12.18%) | 159 (3.72%) | 1162 (27.12%) | 1000 (23.22%) | 470 (10.97%) | 748 (17.46%) | 4285 |

Sumber: PNB, 1990

Tindak balas yang perlahan terhadap keperluan usahawan Bumiputera oleh sumber-sumber bekalan tenaga kerja menimbulkan beberapa persoalan yang antaranya ialah mengapakah masih kurang Bumiputera menceburkan diri dalam bidang keusahawanan? Adakah bidang kuri-kulum hanya memenuhi aspek akademik sahaja tanpa

merangsangkan penglibatan praktik? Adakah gejala ini menggambarkan satu *mismatch* di antara keperluan sebenar masyarakat Bumiputera dengan apa yang dihasilkan oleh pasaran tenaga kerja?

DEB telah membuka peluang yang banyak untuk pertumbuhan MPPB. Sama ada dasar itu telah mewujudkan usahawan-usahawan yang sebenarnya merupakan persoalan yang sering diutarakan. Dari itu timbulah beberapa gejala yang membayangkan beberapa ciri dan jenis usahawan yang wujud dalam tempoh pelaksanaan DEB. Antara ciri dan jenis yang ketara ialah usahawan yang bergantung kuat kepada pemimpin politik, usahawan birokrat, usahawan bermiaga atas angin dan akhirnya usahawan yang mencuba sendiri dan berdikari.

Usahawan yang bergantung kepada pemimpin politik adalah usahawan yang mencatatkan kehadiran mereka dalam sektor perdagangan dan perindustrian kerana mereka mempunyai hubungan kuat dengan ahli politik. Peluang kepada berbagai sumber oleh kumpulan ini bergantung secara langsung kepada keupayaan mereka untuk meneruskan hubungan dengan ahli-ahli politik. Berasaskan hubungan ini, timbul tenggelamnya usahawan itu bergantung kepada ketahanan ahli-ahli politik tempat

pergantungannya itu. Usahawan-usahawan kumpulan ini pada lazimnya tidak tergulung kepada mana-mana dunia politik ataupun perniagaan. Mereka sekadar mengambil kesempatan keadaan atas dasar perhubungan mereka dengan orang tertentu. Dengan yang demikian mereka bebas bergerak antara dunia politik dan perniagaan.

Dalam kajian Lim Mah Hui terhadap 100 badan korporat utama di Malaysia pada tahun 1981, didapati bahawa semua pengarah syarikat Melayu yang mempunyai hubungan politik datangnya daripada parti politik yang memerintah (Lim Mah Hui: 1981). Hubungan politik-usahawan juga ditimbulkan melalui pemegang-pemegang yang berfungsi sebagai pemegang amanah. Individu-individu tersebut amat bergantung kepada perlindungan yang diberi oleh badan politik untuk menentukan kejayaan dan perlindungan daripada saingan lain yang boleh menjaskas pelaburan yang dibuat. Perlindungan didapati dari segi mendapat konsesi, lesen, hak monopoli dan subsidi. (E.T. Gomez: 1990).

Pertumbuhan agensi-agensi amanah dan perusahaan awam dalam tempoh pelaksanaan DEB telah membuka peluang kepada birokrat sektor awam untuk memegang peringkat pengurusan di dalam badan tertentu. Mereka dilantik

atas dasar penempatan atau *secondment* untuk berkhidmat bagi satu tempoh yang tertentu dan selanjutnya diberi pilihan untuk terus berkhidmat dengan kerajaan ataupun swasta.

Rentier seekers atau peniaga-peniaga atas angin ialah gejala yang timbul akibat kesenangan dan kekuatan yang diberi kepada Bumiputera digunakan untuk mendapat kekayaan yang cepat. Dengan itu timbul kenyataan seperti perniagaan "Ali-Baba", "rakan tidur" atau berniaga atas angin. Ciri *rentier seeking* ini mempunyai persamaan yang kuat dengan kumpulan usahawan politik yang disebut sebelum ini di mana konsep mempergunakan dan dipergunakan wujud. Antara contoh-contoh yang paling ketara ialah industri pengangkutan dan pemberian kontrak kerajaan. Kalau berasaskan permit dan lori yang diberi dan juga kontrak-kontrak yang diluluskan untuk kontraktor-kontraktor Bumiputera, sepatutnya Bumiputera kini menguasai bidang-bidang ini. Tetapi hakikatnya tidak begitu. Ada usahawan yang hanya menjadi rakan tidur. Ini berlaku apabila wujud satu usaha sama di antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera, iaitu Bumiputera wujud pada nama, dan hampir sekali tidak terlibat dalam proses perniagaan.

Kalau adapun petunjuk tentang kehadiran dan kuasa mereka dalam perniagaan ialah melalui wujudnya akaun bank khas yang ceknya ditandatangani oleh Bumiputera itu dan pejabat atau meja yang menunjukkan kesahihan kehadiran Bumiputera dalam perniagaan itu.

Dalam pada itu, DEB telah juga mewujudkan sebilangan usahawan yang mencuba atas ketekunan, kemahiran, dan kesanggupan mereka untuk berdikari. Mereka juga mungkin telah menggunakan dengan sebaiknya faedah-faedah yang disediakan di bawah DEB untuk memajukan diri. Ada juga yang wujud kerana tiada pilihan lain kecuali menceburkan diri dalam perusahaan. Mereka bukan lagi merupakan golongan yang besar ketika ini, tetapi perkembangannya agak menggalakkan dan merupakan satu kelainan daripada kumpulan yang dibincang sebelum ini. Mereka bukanlah usahawan yang besar dan terkenal, tetapi mereka boleh berkembang dengan ketabahan yang ada kini. Mereka mempunyai ciri-ciri keusahawanan sebenar yang merangkumi sifat inovatif, mahir, berpengetahuan, dan bijak menggunakan peluang yang ada di sekitar mereka.

Rumusan

Perkembangan dan pembangunan usahawan Bumiputera dalam dua dekad, iaitu antara 1970-1990, telah wujud dalam iklim terkawal. Perlindungan dan kawalan ke atas perkembangan MPPB diberi kepada dua peringkat. Pertama, pada peringkat pengendalian struktur ekonomi keseluruhannya; dan kedua, kawalan dan perlindungan yang diwujudkan khusus untuk mengembangkan MPPB. Kawalan dan perlindungan yang diberi melalui sistem kuota, pemberian lesen, dan keutamaan mengurangkan risiko dan persaingan yang sepatutnya dihadapi. Akibat daripada kesan *buffer* ini, pertumbuhan aktiviti perdagangan dan perindustrian Bumiputera semakin meningkat.

Walau secara keseluruhannya DEB telah dapat menambah bilangan usahawan Bumiputera, bahagian yang dimiliki oleh Bumiputera masih kecil berbanding dengan kelompok-kelompok lain. Penglibatan Bumiputera dalam sektor perdagangan dan perindustrian masih rendah berbanding dengan penglibatan bukan Bumiputera. Jika ditinjau dari aspek kualiti dan keupayaan usahawan Bumiputera, masih banyak lagi ruang yang perlu dipenuhi oleh MPPB supaya dapat setanding dengan masyarakat lain.

Walaupun DEB adalah satu instrumen penting *social and economic engineering*, ramai yang cuba mendapat kekayaan secepat mungkin melalui pelaksanaannya. Dengan demikian timbul implikasi yang negatif kepada usaha membangunkan MPPB. Maka wujud gejala seperti *rentier seekers*, "Ali-Baba", "rakan tidur" dan lain-lain bertentangan dengan tujuan sebenar pembangunan MPPB.

Dari segi pembangunan sumber tenaga, kurangnya Bumiputera dalam program latihan keusahawanan agak mengecewakan. Keadaan ini menyebabkan Bumiputera kekurangan kemahiran dan kefahaman untuk menjadi usahawan yang berjaya.

Bumiputera Dalam Sektor Industri Kecil

Industri kecil (dan sederhana) bukan sahaja dianggap sebagai sumber ulung keusahawanan, penggerak tenaga kerja dan sumber-sumber yang berpotensi untuk menambah jumlah simpanan lebihan ekonomi, tetapi juga dianggap sebagai jentera penggerak utama dalam pembangunan ekonomi. Sebab itulah bidang ini diberi keutamaan oleh kerajaan. Penglibatan kerajaan yang

semakin intensif dalam usaha memberi galakan pembangunan dan perkembangan bermula dengan termaktubnya DEB. Dasar-dasar pembangunan industri kecil (dan sederhana) memberi tumpuan terhadap pembangunan MPPB dengan menyediakan berbagai perkhidmatan sokongan untuk merangsang dan menggalakkan Bumiputera menyertai sektor ini. Pembangunan industri kecil dan penyertaan Bumiputera dalam sektor tersebut terus diberi penekanan dalam rancangan pembangunan negara seterusnya dan juga di dalam pelan induk perindustrian yang telah diwujudkan untuk perancangan jangka panjang perindustrian negara bagi tempoh 1986 hingga 1995. Perbincangan yang terperinci mengenai perkembangan industri kecil, latar belakangnya dan peranan agensi yang terlibat telah banyak dibuat oleh pengkaji-pengkaji tempatan, terutama sekali oleh Chee Peng Lim (1975; 1979 dan 1986). Selain laporan kajian seperti ini, laporan Bank Dunia (1982), JPM (1990), PNB (1989) dan MARA (1988) turut memuatkan maklumat semasa mengenai perkembangan sektor industri kecil.

Bahagian ini seterusnya akan menyenaraikan beberapa ciri ketara perusahaan industri kecil Bumiputera. Sebahagian daripada perbincangan adalah berdasarkan laporan dua kajian yang telah dilakukan secara

berasingan. Pertama, kajian tahun 1985-1986 oleh Universiti Pertanian Malaysia, Institut Teknologi Mara, University of Saskatchewan dan Saskatchewan Research Council yang dibiayai oleh International Development Research Centre (IDRC), Kanada. Kajian tersebut melibatkan 762 perusahaan kecil dan sederhana. 315 daripadanya terdiri daripada pertubuhan yang dimiliki oleh Bumiputera. Kajian ini meliputi tiga subsektor perusahaan utama, iaitu perusahaan makanan, kayu, dan jentera ringan serta bahan-bahan pembinaan. Kajian dijalankan di Semenanjung Malaysia. Kedua, kajian tahun 1988-1990 oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terhadap perusahaan sektor industri kecil di Malaysia. Daripada jumlah 13,992 perusahaan yang telah dibanci, sebanyak 4,642 pertubuhan adalah milik Bumiputera. Di bawah ini disenaraikan beberapa ciri umum yang ketara sebagaimana yang ditemui dalam kedua-dua kajian itu. Ciri-ciri tersebut iaitu:

i. **Bilangan Bumiputera Dalam Industri Kecil**

Bilangan Bumiputera yang menyertai industri kecil masih kecil dan data-data menunjukkan bilangan Bumiputera tidak banyak berusaha sejak DEB bermula pada

tahun 1970. Bancian Jabatan Perangkaan pada tahun 1970 menunjukkan bahawa Bumiputera hanya memiliki 0.9% daripada jumlah keseluruhan. Bancian selanjutnya pada tahun 1981 mendapati bahawa 1,607 buah pertubuhan atau 10% daripada jumlah keseluruhan dimiliki oleh Bumiputera. Penemuan dalam kajian KPP mendapati bahawa bilangan pertubuhan milik Bumiputera mengikut ekuiti (maksimum 51% ekuiti dimiliki Bumiputera) ialah 4,642 (33%) manakala selebihnya dimiliki oleh bukan Bumiputera.

ii. Lokasi Industri

Perusahaan milik Bumiputera banyak tertumpu di Kelantan. Kajian KPP mendapati lebih 25% daripada jumlah keseluruhan, beroperasi di Kelantan. Lain-lain negeri di mana penyertaan Bumiputera agak penting ialah Terengganu (19%), Johor (10%) dan Pulau Pinang (9%). Perusahaan bukan Bumiputera lebih banyak tertumpu di negeri-negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor, Perak, dan Pulau Pinang.

Kebanyakan industri terletak berselerak di kawasan-kawasan bandar.

iii. Jenis Industri

Dari segi jenis, industri kecil Bumiputera masih lagi tertumpu kepada beberapa industri tertentu sahaja. Ini termasuklah industri makanan dan industri berasaskan rotan dan kayu. Kajian Universiti Pertanian Malaysia menunjukkan 33% daripada responden terlibat dalam pemerosesan makanan, manakala 37% dalam perusahaan kayu. Hanya 22% daripada responden mengusahakan kejuruteraan ringan, dan 7.3% terlibat dalam perusahaan bahan-bahan binaan. Kecenderungan Bumiputera kepada perusahaan makanan dan kayu memberi gambaran bahawa kemahiran Bumiputera di sektor bukan tradisional seperti kejuruteraan masih kurang. Dengan itu tidak ramai yang mahu melibatkan diri dalam sektor-sektor itu.

iv. Usia Perusahaan

Kajian Universiti Pertanian Malaysia mendapati bahawa sebilangan besar pengusaha industri kecil dan sederhana Bumiputera beroperasi kurang daripada 10

tahun. Umpamanya 62% dan 72% daripada responden masing-masing dalam perusahaan makanan dan perusahaan kayu dilaporkan memulakan operasi dalam tempoh 10 tahun lalu. Lebih 50% bukan Bumiputera sebaliknya telah beroperasi lebih dari 10 tahun. Penemuan yang sama didapati oleh kajian KPP, iaitu 63% perusahaan milik Bumiputera beroperasi kurang dari 10 tahun.

v. Saiz dan Hak Milik

Pada keseluruhannya, industri kecil Bumiputera ialah milik perseorangan yang melibatkan pelaburan atau modal yang kecil.

Kajian KPP mendapati sebahagian besar (86%) industri kecil Bumiputera mempunyai modal berbayar yang kurang daripada RM50,000. Terdapat pertalian antara jenis perusahaan dan modal. Modal perusahaan yang sedikit selalunya terhad kepada perusahaan yang tidak berkapital intensif dan melibatkan tahap pengurusan yang minimum. Kajian ini juga mendapati adanya hubungan antara modal dengan usia perusahaan. Perusahaan yang telah lama beroperasi mempunyai modal yang lebih besar. Antara faktor-faktor yang menyebabkan

angka penggunaan modal yang amat kecil itu ialah pengusaha tidak mempunyai harta sendiri yang tetap seperti bangunan atau jentera. Kebanyakan dari mereka menyewa bangunan, tanah dan jentera yang diperlukan.

Perusahaan keluarga atau secara perkongsian bukan ciri yang ketara di kalangan pengusaha industri kecil Bumiputera.

vi. Tahap Akademik

Pendidikan dianggap faktor yang penting untuk mencapai kejayaan dalam kerjaya yang diceburi. Bagi mereka yang terlibat dalam aktiviti perusahaan, faktor pendidikan diperlukan dalam proses pemindahan teknologi. Kajian UPM mendapati bahawa tahap pendidikan usahawan industri kecil dan sederhana Bumiputera adalah lebih tinggi daripada pengusaha bukan Bumiputera. Didapati juga bahawa lebih banyak firma Bumiputera mengambil mereka yang berkelulusan universiti sebagai pengurus berbanding dengan bukan Bumiputera. Kajian juga mendapati bahawa lebih ramai Bumiputera daripada bukan Bumiputera menghadiri kursus-kursus pengurusan yang dijalankan oleh institusi yang berkaitan.

Penemuan ini menunjukkan persamaan dengan apa yang didapati oleh Chee Peng Lim (1985), iaitu Bumiputera merupakan sebahagian besar (93%) daripada peserta latihan keusahawanan yang dijalankan oleh institusi-institusi tersebut. Pendedahan kepada latihan memberi gambaran bahawa usahawan Bumiputera sektor industri mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap teknologi serta teknik pengurusan yang harus diperaktikkan. Tetapi dalam keadaan sebenar, ia tidak sedemikian.

vii. **Masalah-masalah Perusahaan/Pengurusan**

Empat masalah umum yang telah diidentifikasi melalui kajian yang dilakukan oleh KPP dan UPM ialah pemasaran, kewangan, pengilangan, dan pengurusan. Sebilangan besar usahawan Bumiputera bertumpu kepada pasaran tempatan. Dengan demikian wujud persaingan yang hebat di kalangan mereka. Perusahaan Bumiputera sukar mencatat jualan yang memuaskan kerana pasaran yang terhad merupakan faktor yang menimbulkan masalah pemasaran. Masalah kewangan menjadi lebih rumit apabila usahawan sukar mendapatkan sumber kewangan untuk dijadikan modal pusingan. Keengganan pihak institusi kewangan membantu industri kecil menyukarkan lagi

keadaan. Keengganan tersebut berlaku kerana sebilangan besar pengusaha gagal mengemukakan laporan kewangan yang lengkap kepada pihak bank.

Cara pengendalian kilang yang kurang berkesan juga mengakibatkan timbul masalah penggunaan kilang di bawah keupayaannya. Kesukaran mendapatkan tenaga pekerja yang sesuai merupakan masalah sumber manusia yang utama. Selanjutnya, kekurangan pengetahuan mengenai cara pengurusan yang berkesan juga melemahkan organisasi. Penilaian yang terperinci menunjukkan semua masalah di atas berkaitan antara satu sama lain.

Rumusan

Daripada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa penglibatan Bumiputera dalam sektor industri masih di tahap minimum. Walaupun demikian, kemasukan Bumiputera dalam sektor ini semakin ketara dalam dua dekad yang lepas. Semakin ramai Bumiputera yang mula ke hadapan menceburi bidang-bidang atau sub-sektor perindustrian yang dahulunya hanya diceburi oleh bukan Bumiputera. Usahawan ini telah mengambil kesempatan dan selanjutnya menggunakan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dalam pelbagai aspek pengurusan per-

usahaannya melalui agensi-agensinya seperti MARA, PERNAS, dan UDA. Nyata kewujudan agensi-agensi ini telah berjaya memberi rangsangan kepada usahawan atau mereka yang berminat untuk melibatkan diri dalam sektor ini. Seterusnya, boleh dirumuskan bahawa penglibatan Bumiputera dalam sektor ini disebabkan adanya iklim yang menggalakkan pertumbuhan sedemikian yang disediakan oleh kerajaan. Di samping itu wujud pula sebilangan Bumiputera yang berani dan tidak mahu melepaskan peluang yang ada.

Memang tidak dinafikan bahawa perkembangan industri kecil (dan sederhana) ialah asas untuk melahirkan usahawan yang berpotensi pada masa depan. Persoalannya sekarang ialah bagaimana industri kecil (dan sederhana) Bumiputera yang berdaya maju dan dapat bertahan akan dapat dibentuk? Rumusan daripada kajian-kajian yang telah dijalankan menyebutkan bahawa para usahawan Bumiputera dalam sektor industri masih lagi lemah dan jauh ketinggalan berbanding dengan pengusaha yang dominan dalam sektor ini khususnya masyarakat pengusaha industri kecil kaum Cina. Asas perindustrian Bumiputera masih lagi terhad dan tertumpu kepada beberapa jenis industri sahaja termasuk makanan, perabot dan beberapa barang pengguna.

Penglibatan usahawan Bumiputera dalam industri elektronik, kejuruteraan, komputer dan lain-lain industri berteknologi tinggi sangat kurang. Industri kecil Bumiputera masih belum memanfaatkan sepenuhnya bantuan teknologi yang ditawarkan oleh agensi-agensi penyelidikan teknologi seperti MARA, RRIM, PORIM dan SIRIM. Pola yang sama juga didapati dalam aspek-aspek pemasaran, pengurusan, dan produktiviti.

Dengan kelemahan yang ada pada mereka, industri kecil Bumiputera masih memerlukan bantuan kerajaan untuk satu tempoh yang belum dapat ditentukan. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Bumiputera pada bulan November 1990 telah memutuskan bahawa peranan kerajaan masih diperlukan untuk memberi bantuan yang sesuai dan berkesan kepada Bumiputera sebagai persediaan menghadapi sebarang cabaran pada masa depan.